

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 47 RABU 21HB. NOBEMBER, 1973.

1393 رابو 25 شوال PERCHUMA

MENGAWAL KEAMANAN NEGERI TUGAS PULIS TERCHATET DLM SEJARAH

JALAN MUARA. — Pegawai Daerah Brunei/Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim berkata bahawa kemampuan untuk menyumbangkan tenaga bagi mempertahankan keselamatan umum telah pun dapat di-tunjukkan oleh anggota pasukan Pulis Diraja Brunei yang bertugas bagi mengekalkan Kerajaan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang sama2 kita chintai ini.

Ini, tegas beliau, terbukti sejak Perlembagaan bertulis bagi Negeri Brunei di-istiharkan pada tahun 1959, pasukan pulis telah dapat menghadapi chabaran2 dan rintangan2 dengan ketabahan sa-hingga sekarang ini kita telah dapat melihat betapa sempurna dan pesat-nya pasukan tersebut.

Pengiran Dato Paduka Abdul Rahman berkata demikian ketika berucap di-upacara tamat lathen bagi 60 orang rekrut Pulis Diraja Brunei yang di-adakan di-Pusat Latihan Pulis di-Jalan Muara pada hari Sabtu lepas.

Beliau berkata sa-bagaimana yang kita maklum bahawa tugas pasukan pulis ia-lah bagi menjaga dan mengawal keamanan sa-hari2, namun demikian sejarah telah dapat menchatetkan bahawa pasukan Pulis Diraja telah dapat mencheborkan diri bagi mengawal negeri ini daripada di-ancham oleh anasir2 yang hanya mementingkan diri sendiri saperti peristiwa yang berlaku dalam tahun 1962.

Pegawai Daerah itu berkata oleh kerana ketaat-setiaan mereka yang tidak berbelah bahagi kepada Raja dan negara dan ketabahan hati mereka itu-lah dapat mengharumkan nama baik pasukan Pulis sa-bagai satu pasukan yang benar2 chintakan kedaulatan berkeajaan halal di-bawah panji2 Negeri Brunei Darus Salam.

Kapada rekrut2 baru itu, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman menyeru mereka supaya menjalankan tugas dengan sepe-noh hati dengan tidak mengira masa dan penat lelah.

Beliau juga menyeru mereka supaya menajuhkan amalan sifat pihl kahseh ketika menjalankan kewajipan serta segala tindakan2 hendak-lah di-jalankan mengikut Undang2 dan Peratoran yang terdapat di-negeri ini.

(Lihat muka 8)



Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman sedang menyampaikan tongkat (baton) kepada rekrut yang terbaik, Awang Othman bin Metassan.

Pmk. S.U.K. puji sikap ketekunan kaum peladang

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz telah memuji sikap petani2 dan peladang2 yang telah menunjukkan bakti2 ketekunan mereka sa-hingga berjaya mengeluarkan hasil2 tanaman untuk di-nikmati bersama oleh orang ramai.

Yang Berhormat itu berasa kagum bila menyaksikan hasil2 tanaman yang di-jual di-kawasan tamu apabila beliau melawat ka-situ pada hari Sabtu lepas bersama2 Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Awang Sidek bin Yahya.

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan telah menyatakan simpati-nya melihat kapada keadaan sesak yang terdapat di-kawasan itu berikutan dengan bertambah-kaum2 tani menjual hasil2 tanaman mereka.

Melihat kapada keadaan itu Yang Berhormat itu mengarahkan supaya kawasan tamu itu di-buka pada tiap2 hari termasuk hari Ahad dan

Jumaat ia-itu hari2 yang biasa-nya kawasan tamu itu di-buka.

Pembukaan kawasan tamu itu sa-chara terus-menerus ada-lah bagi membolehkan petani2 itu menjual di-satu kawasan khas termasuk bagi mereka yang berselerek atau 'bertumbiran' menjual hasil2 dagangan mereka di-sepanjang jambatan di-tempat motobot tambang.

Menyebut kegiatan2 petani itu, Yang Berhormat itu men-sifatkan sa-bagai satu perkara yang amat menggalakan

(Lihat muka 8)

D.Y.M.M. selamat berangkat pulang ka-tanah ayer

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Wadaullah telah berangkat pulang ka-tanah ayer pada hari Ahad lepas dari United Kingdom sa-telah membuat lawatan kerana urusan negara.

Turut dalam rombongan Baginda ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Suri Begawan Raja.

Di-antara yang mengiringi rombongan Duli Yang Maha Mulia itu ia-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah; Pensehat Umum ke b a w a h D.Y.M.M., Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Isa; Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin dan ahli2 rombongan Baginda.

Keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia di-lapangan terbang antara bangsa Brunei telah di-alu2-kan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha, selaku Timbalan Sultan; Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British, Awg. J.W. Moffatt; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah dan Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz.

Pemandu2 yg chuai mungkin di-uji semula

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemandu2 kereta yang di-dapati tidak mematuhi peratoran2 lalu-lintas serta tidak mengindahkan pengguna2 jalan raya yang lain mungkin akan di-panggil untuk menjalani ujian semula.

Sa-orang juruchapak Jabatan Kenderaan Darat menyatakan bahawa langkah ini di-ambil ia-lah bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya yang semakin bertambah di-negeri ini.

Beliau berkata oleh kerana me-

mandang kapada bertambah-nya kadar kemalangan di-negeri ini, maka Pulis dan jabatan ini akan mengesan pemandu2 yang chuai, tidak mengindahkan peratoran lalu-lintas dan memandu dengan deras serta tidak mengindahkan pengguna2 jalan raya yang lain. "Jika mereka melakukan perkara tersebut dan di-dapati salah, pemandu2 itu mungkin akan di-panggil untuk menjalani ujian memandu sekali lagi", tambah juruchapak itu.



Y.B. Pmk. Setia Usaha Kerajaan sedang di-beri penerangan oleh Dr. Hussain tentang perkhidmatan mesheh rawatan buah pinggang yang terdapat di-rumah sakit besar Bandar Seri Begawan (gambar atas).

Pmk. Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz menyaksikan bakul yang telah di-anyam oleh dua orang pesakit. Kelihatan juga dalam gambar ia-lah Pemangku Pengarah Perubatan, Dr. Haji Johar (di-tengah2) dan Pegawai Perubatan Daerah, Dr. I.G. Singh.

Pmk S.U.K. DAN PESAKIT2 BERAMAH MESERA

BARU2 ini, Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz telah mengadakan tinjauan ka-Rumah Sakit Besar di-Bandar Seri Begawan.

Dalam berita tentang lawatan beliau itu telah menyebutkan bahawa kunjungan-nya ka-Rumah Sakit Besar itu ia-lah untuk melihat bahagian2 dalam bangunan itu yang akan di-tambah termasuk di-bahagian wad bersalin yang akan di-utamakan untuk di-perbesarkan memandangkan kepada kesesakan yang terdapat di-sana sejak akhir2 ini.

Peruntukan memperbesarkan wad itu telah pun di-persetujui berjumlah sa-banyak \$400,000.00.

Lain2 bahagian yang juga akan di-perbesarkan ia-lah tempat orang ramai menunggu giliran bagi pemeriksaan doktor di-bahagian rawatan pesakit2 luar.

Walaupun tujuan utama beliau untuk melihat tempat2 tersebut, tetapi beliau telah mengambil kesempatan itu untuk meninjau keadaan di-wad2 yang terdapat dalam Rumah Sakit itu dan menggunakan kesempatan itu untuk berbual2 dengan pesakit2 dengan tidak mengira bangsa sama ada Melayu, China, India, Iban dan Serani. Mereka itu tidak hanya terdiri dari orang2 dewasa, tetapi juga kanak2. Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu memang gemar kepada kanak2 dan kanak2 yang sakit itu kelihatan bagitu mesera dengan beliau.

Dalam perbualan2 dengan pesakit2 itu, Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz tidak hanya bertanya tentang penyakit2 yang di-idapi mereka, tetapi yang mustahak-nya beliau ingin tahu bagaimana rawatan pehak Rumah Sakit yang telah di-berikan kepada mereka. Yang kerap kali ditanyakan beliau ia-lah tentang bekalan2 makanan yang di-hidangkan kepada mereka. Pesakit2 itu menyatakan kepuasan hati mereka atas layanan2 yang telah di-berikan termasuk-lah tentang bekalan makanan itu.

Meninjau kesesakan yang terdapat di-wad beranak, Yang Berhormat itu merasa sedih melihat keadaan tersebut dan beliau sendiri memikirkan yang keadaan itu tidak sepatut-nya bagitu. Beliau

memberi tahu Dr. Datin Lamplough ia-itu pegawai yang bertanggung-jawab dalam bahagian wad bersalin itu supaya tidak bimbang dan Kerajaan akan mengutamakan usaha2 untuk menambah bangunan dalam bahagian tersebut. Dengan tambahan itu nanti, beliau berharap masalah kesesakan yang terdapat di-situ akan dapat di-atasi dengan segera.

Berkunjong ka-wad pesakit2 yang lain, Dato Paduka Awang Aziz sempat menyaksikan dua orang pesakit sedang menganyam bakul. Menurut pesakit itu, bakul tersebut ia-lah untuk di-jadikan tempat membuang sampah dan bakul2 itu ada-lah dari tempahan Palang Merah Brunei. Pesakit2 itu juga boleh membuat lain2 anyaman menurut kehendak penempah.

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan menyatakan gembira-nya atas usaha pesakit2 itu. Dari kegiatan2 mereka itu ia-nya juga boleh di-jadikan sumber mata pencharian apabila mereka keluar dari rumah sakit nanti di-samping mata pencharian yang lain.

Sekali sekala beliau berjenaka dengan pesakit2 itu dan ketika beliau berchakap dengan sa-orang pesakit yang menjalani rawatan kerana kaki-nya patah akibat bola sepak, dengan berseluruh beliau menyatakan bahawa dalam zaman silam, ubat yang di-gunakan ia-lah tahi kerbau yang di-jadikan "peparam" ka-atas bahagian2 yang patah itu. Pesakit itu mengaktui akan penerangan beliau itu. Tetapi, kata Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz, dalam zaman ini semua-nya telah di-modenkan dan kita bershukor kerana dapat menikmati-nya.

Beliau menasehatkan pesakit2 di-Rumah Sakit Besar itu supaya sentiasa dengan kesabaran, kerana menurut beliau, sikap sabar itu boleh merengankan penderitaan mereka dan dengan tidak disedari boleh menjadi ubat.

Pesakit2 itu amat berterima kasih kepada beliau dan atas kunjungan-nya itu ada-lah merupakan satu bukti lagi betapa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengambil perhatian yang berat terhadap perkara2 kebajikan rakyat di-negeri ini.



Y.B. Pmk Setia Usaha Kerajaan ketika melawat wad bersalin yang akan di-perbesar tidak berapa lama lagi.

Pesakit yang patah kaki, Pengiran Bahar berdekah2 apabila Yang Berhormat Dato Paduka Haji Abdul Aziz menyatakan bahawa zaman silam ubat bagi menyembuhkan bahagian yang patah ia-lah 'peparam' tahi kerbau (gambar bawah).



Pembinaan jalan kecil di-Tutong

TUTONG. — Pejabat Daerah Tutong telah selesai membina jalan kecil sepanjang lebih dua batu di-Kampung Long Mayan.

Jalan sa-lebar 18 kaki itu sekarang boleh di-gunakan oleh semua kenderaan. Jalan kecil itu menghubungkan Kampung Bukit, Kampung Merimbun, Kampung Merangking di-Ulu Belait dan terus ka-Labi.

Pejabat Daerah Tutong juga sedang membina sa-batang lagi jalan kecil lebih sa-batu panjangnya di-Kampung Keriam menuju ka-Paya Penabang dan Pengkalan Ajong.

Bila jalan kecil itu siap nanti ia-nya akan memberikan kemudahan pengangkutan kepada penduduk2 di-Kampung Keriam untuk membawa hasil tanaman mereka ka-Pekan Tutong.

ALLAH telah berfirman dalam Surat Al-Taubat ayat 60 yang bermaksud:

"Adapun sedekah (zakat) itu hanya-lah untuk orang2 yang miskin, amil2 yang mengutip-nya, orang2 yang di-jinakkan hati-nya, melepaskan perhambaan orang2 yang berhutang, perkara2 Subulullah dan orang2 yang musafir, perintah yang wajib daripada Allah, dan Allah maha tahu lagi bijaksana".

Ayat tersebut di-turunkan ia-lah sa-bagai satu undang2 yang menetapkan serta menentukan bahawa hasil zakat, sama ada zakat harta atau pun zakat badan yang di-sebut sa-bagai zakat fitrah itu ada-lah hanya terhak bagi orang2 yang tergulung dalam gulungan yang di-sebutkan itu lapan asnaf, tidak berlebihan dan tidak berkurang. Siapa2 pun tidak boleh mengubah ketentuan yang telah di-tetapkan sendiri oleh Allah itu. Sabda. Rasulullah s.a.w. yang berarti:

"Sesungguhnya Allah Taala tidak rela pembahagian harta (hasil zakat) oleh malaiakat yang karib dan tidak juga oleh Nabi yang di-utus, sehingga Allah Taala sendiri yang menentukan pembahagian-nya itu".

Di-antara lapan asnaf yang di-tentukan oleh Allah berhak mendapat bahagian daripada zakat ia-lah amil2. Adapun amil2 itu mereka ia-lah orang2 yang di-tugaskan bagi mengutip dan membahagi2kan zakat.

Keterangan2 yang di-selidiki di-dalam kitab2 hadith dan kitab2 fakih menunjukkan bahawa amil itu ada-lah satu

Lantekan sa-bagai amil tidak semesti-nya dari gulungan orang2 miskin



KHUTBAH JUMA'AT

jawatan yang berhak mendapat bayaran gaji atau upah atau komisin dan gaji atau upah atau komisin yang di-bayar itu ada-lah di-ambil dari jumlah hasil zakat yang di-kutip.

Mengenai dengan pemilehan orang2 yang di-lantek menjadi amil zakat itu tidak-lah ada keterangan, baik dari hadith mahu pun pendapat2 ulama2 fakih yang menetapkan ia-

miskin, samada dari kalangan penduduk sa-tempat atau pun dari kawasan lain, apabila di-lantek bagi tugas mengutip zakat maka ia ada-lah amil dan berhak mendapat bahagian daripada zakat itu.

Mengenai orang2 kaya atau pun orang2 yang ada mempunyai mata pencharian serta pendapatan tetap yang di-tegah oleh shara' daripada menerima bahagian zakat ia-lah

Lantekan amil berdasarkan sharat2 yg tertentu — ada kebolehan, chergas dan amanah

nya mesti dari gulungan orang2 yang fakir atau miskin. Yang di-ketahui ia-lah oleh kerana amil itu satu jawatan seperti juga lain2 jawatan dalam pentadbiran, maka perlantekan sa-seorang bagi menjawat-nya ada-lah di-dasarkan kepada kebolehan dan harat2 lain seperti amanah dan sa-umpama-nya. Soal samada ia orang miskin atau kaya tidak-lah pernah timbul.

Al-Imam Al-Safiee di-dalam kitab-nya Al-Um ketika membahaskan perkara amil telah menyebutkan bahawa sama ada sa-seorang itu kaya atau

mereka yang tidak termasuk dalam salah satu daripada lima gulungan yang di-sebutkan oleh Rasulullah s.a.w. sa-bagaimana dalam sabda Baginda yang berarti:

"Tiada-lah halal sedekah (zakat) bagi orang2 kaya, kecuali mereka yang tergulung ka-dalam salah satu daripada lima gulungan ia-itu amil2 zakat, atau pun sa-orang yang membeli bahagian zakat yang di-terima oleh orang lain dengan wang-nya, atau pun sa-orang yang mempunyai jiran fakir yang di-beri-nya zakat kemudian jiran-nya yang fakir itu menghadihkan zakat yang di-terima-nya itu kepada yang berjihad atau pun sa-orang yang menanggung hutang.

Oleh yang demikian, tiada-lah terdapat keterangan di-sisi shara' yang menegah amil2 yang di-lantek yang kebetulan-nya sedia mempunyai pendapatan serta mencharian tetap, atau pun kebetulan ia sa-orang yang berada dan kaya daripada mendapat bahagian zakat. Lantekan amil2 yang di-buat ada-lah berdasarkan sharat2 yang tertentu seperti di-lantek dari segi kebolehan, dari segi kechergasan, dari segi amanah dan segi2 yang berhubung dengan tugas2 sa-bagai amil dan ada-lah satu perkara yang keliru jika ada orang ingin menekankan bahawa sharat menjadi amil itu ia-lah orang yang miskin atau fakir atau pun orang menganggor dengan tidak menghendaki sharat2 lain seperti yang di-nyatakan itu.

Oleh sebab itu, tiada-lah sapatut-nya timbul waham dan salah sangka terhadap peratoran yang sedang berjalan di-dalam negeri ini mengenai zakat, terutama dalam perkara amil2 yang di-lantek apa yang selayak-nya dan sewajarnya di-fikirkan serta di-usahakan oleh sekalian kita ia-lah menyukong supaya peratoran pada keselurohan-nya berjalan dengan lancar dan lebeli kemas dari semasa ka-semasa sesuai dengan ajaran2 Allah dan sesuai dengan hasrat chita2 kita kaum muslimin di-negeri yang berkehendakan perkara2 yang berkebakikan senentiasa menjadi amalan dan landasan tindakan kita semua. Insha Allah dengan berkat kejujuran serta keikhlasan sesama kita serta dengan pertunjak dan lindungan Allah, kita akan terus menikmati hidup yang berkebakikan.

325 orang masok pereksa trengkas dan menaip

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 325 orang chalun akan mengambil pepereksaan Trengkas dan Menaip dalam aliran Melayu dan Inggeris pada akhir bulan ini.

Pepereksaan itu di-anjorkan oleh Trengkas Melayu Institute Malaysia dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Sa-ramai 259 orang chalun akan mengambil pepereksaan itu dalam aliran Melayu dan 66 lagi dalam aliran Inggeris.

50 orang chalun akan mengambil pepereksaan trengkas aliran Melayu ia-itu 20 permulaan, 16 menengah dan 14 tertinggi. 209 orang akan mengambil pepereksaan menaip — 124 orang permulaan, 61 menengah dan 24 tertinggi. Enam orang akan mengam-

bil pepereksaan trengkas aliran Inggeris — 4 permulaan, sa-orang menengah dan sa-orang lagi tertinggi. 60 orang akan mengambil pepereksaan menaip, 29 permulaan, 24 menengah dan 7 tertinggi.

Pepereksaan menaip akan di-adakan pada 30hb. Nobember ini, pepereksaan trengkas akan di-adakan pada 1hb. Disember dan 4 orang chalun yang mengambil pepereksaan ilmu menyimpan kira2 dan steno pada 2hb. Disember.

Pusat pepereksaan ia-lah di-Sekolah Melayu Puser Ulak, Sekolah Menengah Melayu S.M.J.A. dan Maktab S.O.A.S. bagi chalun2 di-Bandar Seri Begawan dan di-Sekolah Menengah Mohamed Alam dan Maktab Anthony Abell bagi chalun2 dari Seria.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 21hb. Nobember, hingga ka-hari Selasa 27hb. November, 1973 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
21hb. Nob.	12-12	3-31	6-09	7-24	4-38	4-53	6-10
22hb. Nob.	12-12	3-31	6-09	7-24	4-38	4-53	6-10
23hb. Nob.	12-12	3-31	6-09	7-24	4-38	4-53	6-10
24hb. Nob.	12-12	3-31	6-09	7-24	4-38	4-53	6-10
25hb. Nob.	12-12	3-31	6-09	7-24	4-38	4-53	6-10
26hb. Nob.	12-13	3-32	6-10	7-25	4-39	4-54	6-12
27hb. Nob.	12-13	3-32	6-10	7-25	4-39	4-54	6-12

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

(21hb. Nobember, 1973).

TAMU UNTUK PELADANG

MASALAH tempat yang menjadi satu persoalan bagi kaum peladang menjual hasil tanaman mereka kepada orang ramai telah di-timbulkan minggu lalu berikutan dengan larangan2 dari pihak2 berkenaan supaya segera meninggalkan tempat2 yang di-tegah itu.

Larangan itu di-buat bukanlah bermaksud peladang2 tidak di-benarkan menjual hasil tanaman mereka, tetapi yang penting-nya ia-lah mereka tidak di-benarkan menjual di-tempat2 yang tidak sesuai, di-tempat2 larangan sa-hingga boleh mengganggu urusan2 umum.

Apa yang kita nampak, mital-nya, ada satengah-nya menjual dagangan mereka dari sa-tempat ka-setempat, bertumpok2, berselirak2 dan dari akibat2 ini telah menimbulkan satu keadaan yang kurang baik terutama sampah-sarap dan kekotoran terjadi di-sana sini di-samping kawalan kebersihan sudah tidak di-indahkan lagi.

Sebab itu-lah larangan itu di-buat supaya pihak2 lain dapat menjalankan kerja2-nya lebih sempurna dengan tidak terganggu atau lebih tegas lagi sama2 bertimbang rasa dan sama2 bertanggung-jawab untuk kebaikan semua pihak.

Dalam pada itu sifat2 berdisiplin yang sentiasa patuh kepada peraturan juga haruslah di-tanam dalam jiwa masing2 kerana kita percaya sa-tiap peraturan itu mengandungi kebaikan dan faedah2 umum yang harus menjadi amalan, bukan saja ada-nya larangan atau amaran baru di-patohi bahkan kepatuhan itu hendaklah mesti ada pada sa-tiap orang dan menjadi amalan pada sa-tiap masa.

Barangkali ada juga satengah-nya yang masih kurang faham maksud2 terhadap larangan itu terus-menerus di-sifatkan sa-bagai satu halangan yang konon-nya chuba menggagalkan atas usaha2 mereka dan ada juga satengah-nya terus naik darah dengan membuat tuduhan membabi buta lalu membabit2-kan pihak2 yang tidak kena mengena.

Sabener-nya Kerajaan memang menggalakkan apa juga usaha2 mereka dan ka-arrah chita2 ini-lah sa-tiap rakyat harus menyedari kerana peluang2 untuk meninggikan taraf hidup mereka terbuka dengan seluas2-nya asalkan saja usaha2 yang di-buat itu halal dan tidak bertentangan dengan undang2 dan peraturan negeri.

Satu bakti yang nyata sekarang bahawa Kerajaan telah pun berusaha menyediakan lebih dua ratus tempat untuk menjual hasil dagangan mereka di-lamu Bandar Seri Begawan dengan memasang slip2 batu demi kemudahan2 mereka.

Di-tempat itu-lah nanti semua kaum peladang di-beri peluang sa-chara luas menjual hasil tanaman mereka pada tiap2 hari mulai awal bulan depan.



"Lauk aying tawar nyaman di-tunu". Bagitu-lah perbualan berupa jenaka oleh Yang Berhormat Haji Abu Bakar (no. 2 dari kiri) kepada Yang Berhormat Awang Haji Jilly ketika rombongan itu menyaksikan tangkapan ikan dalam suasana hujan di-kolam ternakan di-Sungai Jambu. Di-sebelah kiri ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya dan di-kanan sekali ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Haji Ali bin Ismail.

Pesuruhjaya Kemajuan, Awang J.L. Firth menerangkan sa-suatu kepada Ahli2 Yang Berhormat ketika rombongan itu berada di-bangunan terminal (gambar kanan).

Rombongan ahli2 Majlis Mashuarat Negeri itu ketika melawat ka-Pengkalan Laut Pertama Askar Melayu Diraja Brunei di-Muara.



AHLI2 M.M.N. MENINJAU PROJEK2 PEMBANGUNAN

SATU rombongan sa-ramai 11 orang Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri pada hari Sabtu lalu telah membuat lawatan ka-beberapa tempat untuk menyaksikan projek2 pembangunan Kerajaan di-Daerah Brunei/Muara.

Rombongan itu di-ketuai oleh Jurutulis Majlis2 Mashuarat, Awang Judin bin Asar dan di-sertai oleh beberapa orang pegawai2 kanan Kerajaan.

Lawatan pertama di-buat ka-Pejabat Kemajuan di-mana rombongan itu telah di-alu2kan dan di-beri penerangan oleh Pesuruhjaya Kemajuan, Awang J.L. Firth mengenai projek2 yang di-usahakan oleh Pejabat itu.

Rombongan itu kemudian-nya di-bawa melawat ka-bangunan terminal lapangan terbang antara bangsa Brunei dan telah di-alu2kan serta di-beri penerangan oleh Awang Gommersall, akitek yang mengawasi kerja2 pembinaan terminal itu.

Awang Gommersall memberi tahu Ahli2 Yang Berhormat itu bahawa bangunan terminal itu dianggarkan menelan belanja sa-banyak 5.6 juta ringgit termasuk menara kawalan udara.

Bangunan terminal itu di-jangka siap beberapa bulan lagi dan akan mempunyai kemudahan2 sa-banding dengan taraf lapangan terbang di-negara2 lain.

Rombongan itu juga di-bawa melawat ka-menara kawalan udara sa-tinggi 117 kaki di-mana mereka menyaksikan alat2 kelengkapan kawalan lalu lintas udara yang berharga kira2 250,000 pound di-bina oleh Sharikat Aeradio Antara Bangsa Berhad, London.

Kemudahan2 yang terdapat termasuk-lah alat2 kelengkapan perhubungan dari bumi ka-udara jenis VHF dan bantuan2 arahan penerbangan, alat sistem pembesar suara bagi bangunan lapangan terbang dan alat kelengkapan radio bergerak untuk kenderaan2 di-lapangan terbang.



Pada masa berada di-menara kawalan udara, rombongan itu dapat menyaksikan bagai mana kapal terbang CPA dari Hong Kong membuat perhubungan sa-chara langsung dalam jarak lebih empat batu di-udara sa-belum mendarat di-lapangan itu.

Sa-telah itu mereka di-bawa melawat ka-ko'lam ternakan ikan di-Sungai Jambu dan telah di-beri penerangan2 oleh Pengarah Perikanan Dr. E. Birkenmeier.

Dr. E. Birkenmeier menerangkan pada masa ini terdapat tujuh jenis anak2 ikan sedang di-biakkan di-koam2 itu dan satu penyelidekan memelihara udang-galah sedang di-jalankan, nampak-nya semua projek2 itu sangat2 menggalakkan.

Pada sa-belah petang-nya rombongan itu melawat ka-projek2 Kerajaan di-Muara.


Ia termasuk-lah menyaksikan kerja2 di-Pelabuhan, ka-Pengkalan Laut Pertama Askar Melayu Diraja Brunei dan menyaksikan kawasan perindustrian di-Muara.

Dalam lawatan itu mereka juga di-beri peluang menaiki kapal 'Belangkas' yang sedang menjalankan tugas menyedut lumpur dan pasir di-terusan Tanjong Pelumpang.

Kapal Kerajaan 'Belangkas' di-bawah pengawasan Pejabat Laut yang berharga kira2 8 juta ringgit di-bina di-negeri Belanda khas untuk kerja2 menyedut lumpur dan pasir di-terusan sa-dalam 30 kaki itu.

Kerja2 penyedutan lumpur dan pasir di-terusan itu perlu di-buat kerana lumpur yang di-bawa oleh arus dari sungai Limbang dan pasir yang di-bawa oleh gelombang dari pandai Berakas mungkin akan tertumpu ka-dalam terusan itu.

Kapal 'Belangkas' boleh menyedut lumpur dan pasir sa-panjang 8,000 kaki kurang dari satu jam dan pasir itu di-buang jauh ka-tengah laut.



Rombongan ahli2 Yang Berhormat ketika di-bawa untuk menyaksikan bilik tetamu kehormat (VIP room) ia-itu sa-bahagian dari pada bangunan terminal yang sedang dalam pembinaan.


Dengan di-pandu oleh Awang Gommersall, akitek yang mengawasi pembinaan bangunan terminal, rombongan itu di-bawa melawat sekitar bangunan tersebut. Nombor 2 dari kiri di-hadapan sekali ia-lah Jurutulis Majlis2 Mashuarat, Awang Judin bin Asar; Syed Hussain dan Awang Gommersall (gambar bawah).



Bersiap2 untuk menaiki kapal M.V. Muara yang membawa ahli2 Yang Berhormat ka-kapal 'Belangkas' untuk menyaksikan kerja2 menyedut lumpur dan pasir di-terusan Tanjong Pelumpang (atas kiri).

Kapal 'Belangkas' sarat dengan muatan lumpur dan pasir untuk di-buang ka-tengah laut kira2 empat batu dari pantai (gambar kiri).

Sa-telah mendapat penerangan dari Awang Gommersall (No. 3 dari kiri), Syed Hussain, Penterjemah di-Pejabat2 Majlis Mashuarat menerangkan di-dalam bahasa Melayu kegunaan alat di-hadapan mereka ia-itu beg penumpang boleh di-ambil dari alat yang berpusing itu (gambar kanan).



Meninjau ka-steshen pertanian Samabat

TEMBURONG. — Pegawai Daerah Temburong, Awang Yunos bin Haji Hussain dan rombongan terdiri dari pegawai2 kerajaan di-Daerah Temburong telah mengadakan lawatan sambil memerhati ka-steshen pertanian Samabat di-daerah itu.

Sa-tiba mereka di-steshen tu mereka telah di-alu2kan oleh Pegawai Pertanian Daerah Temburong, Awang B.R. Hewitt dan beliau kemudiannya memberikan penerangan2 mengenai kegiatan2 yang diusahakan oleh pegawai2 di-Jabatan Pertanian.

Rombongan itu juga telah di-bawa melawat ka-pusat2 perhubungan bagi penanaman kelapa dan kopi di-steshen itu. Awang Yunos melahirkan harapan supaya penduduk2 di-daerah itu yang ingin menanam kopi dan pohon2 kelapa berhubung sa-chara langsung kepada pegawai2 di-steshen itu, untuk mendapatkan nasehat.

Jabatan Pelajaran Tutong pindah

TUTONG. — Jabatan Pelajaran Tutong telah berpindah ka-bangunan bekas asrama Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim di-Bukit Bendera Tutong dari bangunan Pejabat Kerajaan di-pekan itu.

Penuntut2 yang tinggal di-asrama itu sekarang telah mempunyai asrama baru berhampiran dengan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim.

Gambar bawah menunjukkan lapan dari sembilan orang guru dari sekolah2 rendah Melayu di-Bahagian Tutong Satu dan Dua yang mengikuti kursus Bahasa Inggeris di-S.M. Muda Hashim.



PEGAWAI Daerah Tutong, Awg. Abdullah bin Haji Jaafar yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Derma Tabong Pembinaan Stadium telah menerima sumbangan derma sa-banyak \$500.00 dari Persatuan Pakatan Sang Jati Dusun.

Derma itu telah di-sampaikan oleh Setia Usaha Agong Persatuan itu, Awang Lunchai bin Uking (gambar atas).

Ketika menyerahkan derma itu, Awang Lunchai menerangkan, wang itu di-kutip dari hasil pengangkutan bas persatuan dan ahli2 jawatankuasa sa-bagai menyahut seruan kerajaan dan menjunjung titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Beliau menegaskan, atas nama ahli2 persatuan khas-nya dan masyarakat Dusun di-Negeri Brunei umum-nya, mereka tidak mahu ketinggalan dalam menyebarkan jasa bakti dan sentiasa bekerjasama dalam apa jua rancangan2 kerajaan yang telah dan akan di-laksanakan.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah, telah mengucapkan terima kasih atas sumbangan derma itu dan beliau memuji semangat ahli2 persatuan itu dan masyarakat Dusun di-Daerah Tutong yang telah menunjukkan jasa baik mereka di-samping mengamalkan sikap rajin berusaha dan sedia berkhidmat dalam membantu projek2 kerajaan.

Pemborong2 yg menderma kapada tabong stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak 48 buah pemborong dan sharikat yang menjadi ahli Persatuan Pemborong2 Brunei telah menderma sa-jumlah \$40,900.00 kapada tabong pembinaan stadium.

Derma tersebut telah di-sampaikan kapada Setia Usaha Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri oieh Yang Di-Pertua persatuan itu. Awang Mak Kum Wah di-pejabat Yang Berhormat itu pada minggu lalu.

Tiga buah pemborong yang terbesar sekali menderma ia-lah Hing Cheong Construction Co.; Mak Kum Wah Structural dan Sin Yen & Co. yang masing2 menderma sa-banyak \$5,000.00.

Hup Yick Construction Co. dan Lik Sun Construction Co. masing2 menderma sa-banyak \$3,000.00 manakala Swee Construction & Transport Ltd. menderma sa-banyak \$2,000.00.

Borneo Airconditioning Engineering Ltd.; Chung & Hiew Electric Co. dan Hong Lee Construction Co. masing2 menderma sa-banyak \$1,500.00.

Enam buah pemborong masing2 menderma sa-banyak \$1,000.00. Pemborong2 itu ia-lah Lim Brothers Construction Co.; New Kong Seng Hardware Co. Ltd.; Hiew Builders; Lee Lam Construction Co., Kwek Engineering Co. dan Chak Chuen Construction Co.

Tujuh buah pemborong masing2 menderma sa-banyak \$500.00. Pemborong2 itu ia-lah Kon Kim Electrical Co.; Jan Sea Lan Iron Works; Hung Kee Plumbing Co.; China Construction Co.; Tan Yong & Co.; Fong Leong Contractor; dan Shick Sui Koo.

Borneo Builders; Lo Say Contractor; Lim Chin Teck; Brunei Furniture dan Hua Seng Trading Co. masing2 menderma sa-banyak \$300.00.

Borneo Chain Link, Kuan Yin Choi Construction Co., Borneo Hardware; Seto Chow Contractor dan Khoo Foh Co. masing2 menderma sa-banyak \$200.00 manakala Hup Cheong Timber Co. menderma sa-banyak \$150.00.

Sepuluh buah pemborong menderma masing2 sa-banyak \$100.00. Mereka ia-lah Tang Jip Cheung Contractor; Lam Ting Painter Co.; Cheong Kow Contractor; Lui Yin Kee Plumbing Co.; Hin Wing Frame Makers; Lam Hing Hong; The Fair Co.; Foo Yeout Contractor; Ng Pui Contractor dan Lau Yau Painter.

Sung Kee Engineering Works; Ong Huang Luang Construction; Tsui Yiw Hee Wah Fai Plumbing Co. dan Lam Hong Contractor masing2 menderma sa-banyak \$50.00.

Jualan setem perkahwinan Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Pejabat2 Pos di-seluruh negeri telah menjual sa-banyak 48,754 keping setem keluaran khas kerana memperingati perkahwinan Diraja Princess Anne dengan Kapitan Mark Philips pada hari Rabu lepas.

Sa-banyak 24,515 keping daripada berharga 25 sen dan 24,239 keping yang berharga 50 sen.

Pejabat2 Pos juga telah menjual sa-banyak 15,817 sampul surat hari pertama kerana memperingati perkahwinan Diraja itu.

9 orang guru hadhiri kursus Bahasa Inggeris

TUTONG. — Sa-ramai sembilan orang guru termasuk enam guru wanita dari sekolah2 rendah Melayu dan sa-orang dari sekolah China di-Bahagian Tutong Satu dan Tutong Dua, telah memulakan kursus mengajar bahasa Inggeris di-Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong.

Kursus yang di-anjarkan oleh Jabatan Pelajaran itu akan berakhir pada 28hb. Nobember ini.

Penolong Guru Besar Sekolah Melayu Muda Hashim, Che'gu Hajibah binte Umar, dalam ucapan-nya di-pembukaan kursus itu telah mengharapkan guru2 itu supaya tidak akan mengabaikan semua pelajaran yang telah dipelajari dari kursus itu.

Che'gu Hajibah menegaskan, apabila mereka tamat kursus dan balek ka-sekolah masing2, semua pelajaran yang di-perolehi hendaklah di-churahkan kapada penuntut2 mereka dengan baik-nya.

Kursus tersebut di-kelolakan oleh Awang M.T. Williamson serta di-bantu oleh pegawai2 bimbingan, Awang Abdul Latif bin Burut dan Awang Mohamed Zain bin Haji Mohiddin.

Tayangan wayang gambar J.P.P.

JABATAN Penyiaran dan Penerangan akan mengadakan tayangan wayang gambar untuk ramai di-tempat2 dan tarikh seperti berikut:

Hari ini, 21hb. Nobember, tayangan wayang gambar itu akan diadakan di-Kampung Selapon, di-S.M. Putat dan di-Kampung Tena-jor.

Pada 22hb. Nobember, di-Pekan Bangar, di-Sekolah Menunggol dan di-Kampung Bukit, Tutong.

Pada 23hb. Nobember, di-Sekolah Melayu Batu Apoi; di-Sekolah Melayu Belais pada 24hb. Nobember dan pada 25hb. Nobember di-Sekolah Melayu Kinua.

Pada 26hb. Nobember di-Sekolah Melayu Labu Estate, di-Sekolah Melayu Sengkurong, di-Sekolah Melayu Ukong, Tutong dan di-Sekolah Melayu Merangkang, Ulu Belait.

Pada 27hb. Nobember di-Sekolah Melayu Nagalang, Temburong, di-Sekolah Melayu Masin dan di-Kampung Danaui.

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. 25/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Norti bte Laba, d/a. Kampong Lamunin, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Puasa bin Rajap yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 29 haribulan Noverber, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 15 haribulan Noverber, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 26/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Mahrup bin Md. Yassin, d/a. Kampong Sengkarai, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Mat Yassin bin Matassan @ Md. Yassin bin Metassan yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 29 haribulan Noverber, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

daki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 15 haribulan Noverber, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 27/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Jafar bin Jambul @ Ghafar bin Jambul, d/a. Kampong Birau, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Hajjah Radiah bte Simpol yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 29 haribulan Noverber, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 15 haribulan Noverber, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 28/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Jali bin Lohong, d/a. Kampong Lubok Pulau, Tutong

kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Lohong bin Hj. Raman yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 29 haribulan Noverber, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 15 haribulan Noverber, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 29/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Md. Yusof bin O.K. Hj. Layeh, d/a. Kampong Tanjung Maya, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Yahya bin Mohd. Yusof yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah ayah kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 29 haribulan Noverber, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 15 haribulan Noverber, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 30/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Afsah bte Marali, d/a. Kampong Panchor Dulit, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Husain bin Sulai yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 29 haribulan Noverber, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 15 haribulan Noverber, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 31/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Siti Hawa bte. Dol-

lah, d/a. Kampong Keriam, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Jainah bte Arsat yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 29 haribulan Noverber, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 15 haribulan Noverber, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 32/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Mat. Juni bin Tarif @ Md. Juni, d/a. Kampong Penanjong, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Tarip bin Dollah yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 29 haribulan Noverber, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 15 haribulan Noverber, 1973.

SURAT KUASA PESAKA

No. 33/1973.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Fatimah Afon bte Awang Taib, d/a. Kampong Suran, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Hamzah bin Awang Taib yang telah meninggal dunia di-dalam Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah adek kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 29 haribulan Noverber, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Tutong sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 15 haribulan Noverber, 1973.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.

JAWATAN2 KOSONG

Sa-bagai Pemereksa di-Jabatan Odit

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan memohon jawatan sa-bagai Pemereksa di-Jabatan Odit, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya Tingkatan III Ingeris dan mempunyai kelulusan yang baik dalam matapelajaran kira2. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang berpengalaman atau pernah mempelajari audit atau accountancy.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$250x10-290 x15-380/EXAM/410x20-450 / EB / 470x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan kerajaan hendak-lah menghantarkan permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembali-

kan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 7hb. Januari, 1974.

Pemandu Tingkat II

Permohon2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memohon jawatan Pemandu Tingkat II di-Pejabat Talikom, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu sekurang2-nya kelas V dan tidak pernah di-da'awa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan2 kecil.

Tugas2:

Pemohon2 mesti-lah bersedia untuk menjalankan tugas2 seperti yang di-atorkan oleh Pengawal Talikom.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 — \$220x 5-240.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 12hb. Januari, 1974.